

**DALAM MAHKAMAH SESYEN DI KUALA LUMPUR  
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR MALAYSIA  
(KES JENAYAH NO. 63-001-04/2016 & 63-002-04/2016  
PERMOHONAN JENAYAH NO: 64-085-07/2016)**

**ANTARA**

**SIVARASA RASIAH**

**... PEMOHON**

**DAN**

**PENDAKWARAYA**

**... RESPONDEN**

**ALASAN PENGHAKIMAN**

**PENDAHULUAN**

1. Dalam perkara ini, Pemohon telah membuat suatu permohonan di Mahkamah ini untuk menentukan beberapa isu kepelembagaan di bawah Seksyen 30 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91) atas alasan Seksyen 233 (1) (a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) adalah bercanggah dengan Perkara 8 dan Perkara 10 (2) (a) Perlembagaan Persekutuan dan juga merujuk kesemua isu tersebut kepada Mahkamah Tinggi dengan menggunakan Seksyen 30 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91).
2. Pihak Responden membangkitkan bantahan awal ke atas permohonan ini. Responden menegaskan bahawa Seksyen 233 (1) (a) Akta 588 yang dibangkitkan telah pun mantap dan tidak bercanggah dengan Perkara 8 dan 10 (2) (a) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dibangkitkan oleh Pemohon di dalam permohonannya. Oleh itu permohonan rujukan ini adalah tidak perlu dan

adalah tidak lebih dari penyalahgunaan dan melewat-lewatkan proses Mahkamah.

3. Dalam kes **Gan Boon Aun v PP [2016] 4 MLJ 265** menunjukkan pematuhan kepada Seksyen 30 Akta 91 adalah wajib namun Seksyen tersebut tidak mewajibkan rujukan ke Mahkamah Tinggi. Perkara ini telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan yang menyatakan seperti berikut di muka surat **281**, **perenggan 33:**

*[33] We would like to state here and advise all sessions court judges and magistrates when dealing with any application made by any party under s 30 of the CJA to properly ensure that there is merit in such application. It may be just a frivolous application to delay the conduct of the hearing of the trial. If there is no merit in such application the case should proceed to a final conclusion of the trial. A trial should be conducted on a continuous basis without interruption and delay. A trial should not be by instalment. Likewise, High Court judges when presiding to deal with matters brought before them under s 30 of the CJA should act and decide promptly and judiciously whether there is merit in such application. If the matter referred to it does not relate to constitutional issue to be determined by the Federal Court, it should be sent back to the transmitting court for speedy disposal of the case.*

4. Kesahihan Seksyen 233 Akta 588 telah diputuskan oleh kes **Nor Hisham Osman v PP [2010] MLJU 1249** di mana Mahkamah Tinggi Shah Alam telah memutuskan bahawa sekatan di bawah Seksyen 233 Akta 588 adalah munasabah bertujuan mencapai objektif Perkara 10 (2) (a) Perlembagaan dan tidak mencabul hak pemohon di sisi undang-undang. Mahkamah memutuskan bahawa:

*“Mahkamah mendapati sekatan ini merupakan sesuatu yang munasabah dan berjustifikasi serta sampai kepada objektif atau matlamat yang dimaksudkan oleh Perkara 10 (2) (a). Perlembagaan Persekutuan, dengan jangkauan kearifannya yang tidak terbatas*

*bertujuan memelihara hak semua rakyat Malaysia yang bernaung di bawah perlindungannya, tanpa mengira warna, agama, pangkat mahu pun darjat”*

5. Memandangkan isu kesan peruntukan Perkara 10 Perlembagaan ini telah diputuskan di dalam kes-kes ini, maka saya terikat dengan keputusan itu dan dengan itu tidak timbul lagi keperluan untuk saya merujuk bantahan awal ini ke Mahkamah Tinggi.
6. Oleh yang demikian, permohonan ini ditolak dan saya membenarkan penggantungan prosiding sementara rayuan diputuskan oleh Mahkamah Tinggi terhadap keputusan saya ini.

Bertarikh pada hari ini 5hb. Disember 2016.

**(ZAMAN BIN MOHD NOOR)**  
**Hakim**  
**Mahkamah Sesyen Jenayah 4**  
**Kuala Lumpur**